

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/4/2014

Lawatan Najib ke Turki buka banyak peluang ahli perniagaan Malaysia

Kukuh kerjasama strategik

UM / 17-4-2014

ANKARA 16 April - Lawatan rasmi Datuk Seri Najib Tun Razak ke Turki bermula hari ini akan mengukuhkan lagi kerjasama strategik kedua-dua negara terutama membolehkan ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk meneroka lebih banyak peluang kompetitif di republik yang terletak di dua benua Asia-Eropah itu.

Antara agenda utama lawatan dua hari itu berkaitan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) - dirunding oleh Kuala Lumpur-Ankara sejak 2010, yang dijadual ditandatangani oleh Perdana Menteri dan rakan sejawatnya, Recep Tayyip Erdogan di sini esok.

Dalam lawatan itu, Najib diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, beberapa Ahli Parlimen serta para pegawai daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Matrade.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini hari ini, Duta Besar Malaysia ke Turki, Amran Mohamed Zin berkata, dalam sesi rundingan FTA atau dikenali Malaysia-Turki FTA (MTFTA) pertama pada 23 hingga 25 Ogos 2010 di Kuala Lumpur, sejumlah lapan sesi rundingan dilakukan di mana sesi terakhir diadakan di Ankara dari 13 hingga 15 Januari lalu.

"MTFTA merupakan dokumen utama yang akan ditandatangani dalam mesyuarat dua hala anggota delegasi kedua-dua ne-

**Zulkifli
Jalil**

Melaporkan dari
ANKARA, TURKI



gara. Kedua-dua pemimpin telah berbincang dan membuat komitmen untuk memuktamadkannya (rundingan akhir) selepas kunjungan Erdogan di Putrajaya Januari lalu.

"Ini amat signifikan baru empat bulan dibincangkan (peringkat akhir) sekali gus menandakan hubungan dua hala yang kukuh antara kedua-dua negara. Jika berjalan mengikut jadual, Turki merupakan negara ke-13 menandatangani FTA dengan Malaysia," kata beliau.

Difahamkan, FTA tersebut akan membolehkan lebih banyak akses pasaran barangan dan produk antara kedua-dua negara. Dijangkakan kedua-dua negara akan menikmati manfaat melalui pengurangan dan penghapusan duti untuk minyak sawit, barangan elektronik dan kejuruteraan (E&E), kimia, tekstil dan produk getah.

Kali terakhir Malaysia memeterai FTA adalah dengan Australia pada 2012.

Amran berkata, Perdana Menteri dan isteri yang dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Esenboga di sini pada pukul 11



AMRAN MOHAMED ZIN
Duta Besar Malaysia ke Turki

MTFTA merupakan dokumen utama yang akan ditandatangani dalam mesyuarat dua hala anggota delegasi kedua-dua negara. Kedua-dua pemimpin telah berbincang dan membuat komitmen untuk memuktamadkannya (rundingan akhir) selepas kunjungan Erdogan di Putrajaya Januari lalu

malam ini waktu tempatan (4 pagi Khamis waktu Malaysia) mempunyai jadual padat sehari suntuk esok.

Beliau dijadual mengunjungi makam Mustafa Kemal Atatürk, pengasas Turki Moden di sini sebelum melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Turki, Abdullah Gül pada sebelah pagi waktu tempatan.

Seterusnya, Najib akan menyampaikan ceramah bertajuk *Turki-Malaysia Rakan Strategik Dalam Mengglobalisasikan Asia* anjuran Yayasan Politik, Ekonomi dan Penyelidikan Sosial (SETA) di sini sebelum mengambil bahagian dalam Rundingan Meja Bulat Perniagaan Malaysia-Turki anjuran Kesatuan Perniagaan dan Bursa Komoditi Turki.

"Semasa program, akan berlangsung pertukaran dokumen antara Felda Global Ventures (FGV) Holdings Berhad dan syarikat Turki, Evyap Sabun Malaysia Sdn. Bhd. yang mana FGV akan membentuk kerjasama dengan

Evyap yang akan membeli kira-kira 1,000 tan pelbagai jenis minyak sawit. Pada masa sama, FGV akan membekalkan minyak sawit berdasarkan keperluan Evyap," kata beliau.

Seterusnya, Perdana Menteri akan menghadiri pertemuan empat mata dengan Erdogan, sebelum disusuli mesyuarat delegasi kedua-dua negara.

Selepas pemeteraian MTFTA yang dijadualkan pada 6 petang waktu tempatan, Najib dan Erdogan kemudiannya akan menyaksikan pemeteraian MoU lain, antaranya antara Universiti Kebangsaan Malaysia dengan dua universiti penyelidikan terkemuka Turki iaitu Hacettepe University dan Ankara University.

Dari segi kerjasama dua hala, Amran berkata, Malaysia merupakan negara kelima menandatangani rangka kerja kerjasama strategik dengan Turki selepas China, Afrika Selatan, Jepun dan Indonesia.

"Dari segi hubungan per-

dagangan pula, Erdogan dalam kunjungannya ke Kuala Lumpur pada Januari tahun ini telah menyatakan komitmen untuk kedua-dua negara meningkatkan nilai dagang dua hala daripada AS\$1.5 bilion (RM4.9 bilion) setahun kepada AS\$5 bilion (RM16.34 bilion) dalam tempoh lima tahun.

"MTFTA yang ditandatangani itu dijangka meningkatkan sasaran AS\$5 bilion yang ingin dicapai ini," kata beliau.

Menurut Amran, dari segi nilai pelaburan Turki di Malaysia terdapat peningkatan dari AS\$106.22 juta pada 2012 kepada AS\$527 juta pada tahun lalu.

Dalam kalangan 56 negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Turki merupakan rakan dagang ke-10 terbesar Malaysia, pasaran eksport kelapan paling utama dan sumber import ke-13 terbesar.

Hubungan Turki-Malaysia yang kini memasuki usia 50 tahun sejak kedua-duanya menjalin hubungan diplomatik pada 1964, terus utuh. -UTUSAN